

# Prof Mohd Fauzi Lonjak UPM

**Penekanan** terhadap penyelidikan teknologi makanan menjadi satu daripada fokus utama Naib Canselor baru Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan.

Beliau yang menggantikan Prof Datuk Dr Radin Umar Sohadi berkata, berdasarkan laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), bandar raya besar di dunia ini memerlukan 6,600 tan makanan

sehari untuk menampung keperluan.

"Kerjasama semua pihak dalam pelbagai disiplin diperlukan bagi memastikan kecukupan makanan dan sebagai universiti penyelidikan berteraskan pertanian, UPM perlu memastikan negara ini tidak menghadapi masalah bekalan makanan.

## Landasan betul

"Universiti ini berada pada landasan yang betul dalam memastikan perkara itu dan berbekalkan asas kukuh

ditinggalkan enam naib canselor sebelum ini, saya yakin UPM akan terus memacu kecemerlangan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Kita menjadi pengeluar graduan pascasiswazah teramai di negara ini dan menerima geran penyelidikan paling tinggi daripada kerajaan.

"Dengan kepakaran tenaga kerja di UPM, diharapkan kejayaan lebih besar menyusul," katanya.

Mohd Fauzi berkata demikian dalam majlis penyerahan tugas Naib Canselor di sini, baru-baru ini.

## Naib canselor ketujuh

Dalam majlis itu, Prof Radin Umar menyampaikan buku nota Naib Canselor kepada Prof Mohd Fauzi sebagai simbolik penyerahan tugas Naib Canselor UPM ketujuh.



**Prof Radin Umar** (kiri) menyerahkan tugas kepada **Prof Mohd Fauzi**.

Pelantikan itu adalah untuk tempoh masa tiga tahun berkuat kuasa hingga Disember 2015.

Mohd Fauzi yang berasal dari Kota Tinggi, Johor mempunyai Diploma Pertanian UPM, diikuti Bachelor Sains (Agronomi), Iowa State University; Sarjana Sains Louisiana State University dan Ijazah Doktor Falsafah Biologi University of York.

Beliau ialah Profesor dalam bidang pertanian di UPM dan berkhidmat sejak April 1986.

Sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM pada Mei 2010, beliau pernah berkhidmat di Jabatan Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Pengurusan dan Pembangunan Pelajar sejak Oktober 2006.